

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUANTAN

DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

RAYUAN SIVIL NO: CA-11ANCVC-5-12/2022

ANTARA

LEE CHAN FOOK

...PERAYU

[NO. K/P : 640110-03-5665]

DAN

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

...RESPONDEN

[NO. SYARIKAT : 211763-P]

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI KUANTAN

DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

GUAMAN NO: CA-A72NCVC-69-03/2022

ANTARA

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

...PLAINTIF

[NO. SYARIKAT : 211763-P]

DAN

LEE CHAN FOOK

...DEFENDAN

[NO. K/P : 640110-03-5665]

ALASAN PENGHAKIMAN

PENGENALAN

1. Perayu/Defendan memfailkan rayuan di atas keputusan Mahkamah Majistret yang telah membenarkan tuntutan Plaintiff



terhadap jumlah yang tertunggak sebanyak RM24,354.20 beserta faedah dan kos di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

2. Setelah menelitikan kertas-kertas kausa yang difailkan dan setelah menimbangkan penghujahan kedua-dua pihak, Mahkamah telah menolak rayuan Defendan tersebut dan mengekalkan keputusan Majistret.

FAKTA KES

3. Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah berasaskan kepada perkhidmatan pembetulan yang masih dibekalkan oleh Plaintiff kepada premis Defendan di mana terdapat jumlah bil-bil perkhidmatan tersebut tertunggak sebanyak RM25,354.20 setakat Februari 2022.
4. Plaintiff telahpun mengeluarkan bil-bil bagi caj-caj perkhidmatan tersebut namun, Defendan masih enggan, ingkar atau gagal untuk membuat bayaran.



PERTIMBANGAN DAN PENILAIAN MAHKAMAH

5. Terdapat beberapa isu yang telah ditimbulkan oleh Defendan bagi membantah permohonan tersebut.
6. Isu pertama adalah sama ada tuntutan Plaintiff telah dihalang oleh Akta Had Masa 1953 bagi tuntutan yang melebihi dari April 2016.
7. Mahkamah memutuskan bahawa tuntutan Plaintiff adalah tidak dihalang dengan merujuk kepada peruntukan **Seksyen 6 Akta Had Masa 1953** yang memperuntukkan seperti berikut :

*“(2) Any action for an account shall not be brought in respect of any matter which arose **more than six years before the commencement of the action.**”*
8. Di dalam kes ini, perkhidmatan pembetulan yang diberikan oleh Plaintiff kepada Defendan adalah berterusan dan tidak pernah ditamatkan. Ini bermakna bahawa disepanjang perkhidmatan pembetulan tersebut, tiada apa-apa pemberhentian perkhidmatan telah berlaku.



9. Mahkamah merujuk kepada kes **EKUITI SETEGAP SDN BHD v. PLAZA 393 MANAGEMENT CORPORATION [2019] 2 CLJ 592**

di mana Mahkamah mendapati dan memutuskan bahawa:

“Whether The Plaintiff's Claim Is Barred By Limitation Period [24] Under s. 6(1) of the Limitation Act 1953, the action founded on contract shall not be brought after the expiration of six years from the date when the cause of action accrues. In this regard, the defendant submitted that the plaintiff was formed on 21 April 2008 whereas the plaintiff's claim was from 21 April 2008. The plaintiff's action filed on 15 March 2016 ie, after the expiration of six years from the date on which the cause of action accrued, is time-barred.

[25] Relying on Sri Wangsaria Management Corporation v. Yeap Swee Oo @ Yeap Guan Cheng & Anor; Veronica Leong Poh Geok v. Lim Cheng Poh [2009] MLJU 1461; Gulamabbas Mohamed Hussain v. Bonus Properties Sdn Bhd & Anor [2015] 1 LNS 1073 and Malayan Banking Bhd v. Wembley Industries Holdings Bhd [2012] 5 CLJ 956, the learned judge found that the plaintiff's statements of account are running accounts as whatever maintenance



*charges that were not paid by the defendant were carried forward by the plaintiff to the subsequent months. **The plaintiff's claim is therefore not time-barred under the Limitation Act 1953.***

10. Dengan menggunakan prinsip di dalam kes di atas, Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa isu limitasi ini adalah tidak terpakai di dalam kes ini oleh kerana tuntutan Plaintiff adalah berdasarkan kepada perkhidmatan pembetulan di mana melalui bil-bil Plaintiff, jumlah tunggakan masih belum dibayar oleh Defendan. Dengan itu, bil-bil Defendan masih tertunggak dan perlu membayar bil-bil tersebut.
11. Isu seterusnya sama ada bil-bil tersebut telahpun diserahkan kepada Defendan. Menurut Defendan, mereka hanya mengetahui tentang tuntutan ini melalui Surat Tuntutan daripada Peguam Plaintiff bertarikh 08 Ogos 2021 iaitu daripada firma Tetuan Mohd Mokhtar & Co. Adalah menjadi kebiasaan, bil-bil bulanan dihantar kepada premis pengguna secara data pos.



12. Di dalam kes ini, bil-bil telah dihantar ke premis Defendan di A7, Jalan Gebeng 2/8, Kawasan Perindustrian Gebeng, Pusat Perkhidmatan Gebeng, 26080 Kuantan, Pahang dan melalui afidavitnya, Defendan mengakui bahawa alamat tersebut adalah alamat premis Defendan. Dengan itu, bil-bil tersebut telahpun disampaikan dengan sempurna kepada Defendan dan Defendan tidak boleh menafikan hal tersebut. Oleh itu, Mahkamah ini memutuskan bahawa penyampaian bil-bil kepada Defendan di alamat premis Defendan adalah sempurna dan teratur.

KEPUTUSAN

13. Setelah menelitikan keseluruhan rayuan Defendan, Mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa tuntutan Plaintiff bagi jumlah tunggakan yang dibuat di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 adalah wajar dan teratur dan Defendan tidak punya apa-apa pembelaan yang bermerit/*bona fide* pada tuntutan Plaintiff tersebut.
14. Berdasarkan pertimbangan di atas, rayuan Defendan adalah ditolak dengan kos.



t.t.

ZAINAL AZMAN BIN AB AZIZ

HAKIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA KUANTAN

PAHANG DARUL MAKMUR

BERTARIKH : 15 SEPTEMBER 2023

Peguam cara Perayu:

Encik G. Naidu

Tetuan G. Naidu & Partners

PT 4386, Tingkat 1, Taman Guchil Jaya

18000 Kuala Krai, Kelantan

Ruj: GNP/MISC/710/5/2022

Emel : gnaidupartners@gmail.com

Peguam cara Responden:

Puan Salmah binti Ahmad

Tetuan Mohd Mokhtar & Co

A-13, Tingkat 1 & 2, Jalan Haji Ahmad 3

Sri Pahang Business Centre

25300 Kuantan, Pahang

Ruj: MMC/IWK/085/2022

Emel: mmc_ktn@yahoo.com



S/N kyrO1d94TEmAM397z/LkXQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal